

20 JUN 2002

Mahathir-Dasar

DEB: PERASAAN MUDAH PUAS DAN SENTIASA DILINDUNGI JADI ANGKARA

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perasaan mudah puas dan sentiasa dilindungi pada orang Melayu dan Bumiputera adalah punca kenapa tindakan afirmatif yang dilaksanakan negara tidak membuahkan hasil dan bukannya dasar itu sendiri, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Pandangan kita ialah dasar itu betul tetapi selepas seketika respons yang diperolehi tidak begitu positif seperti yang sepatutnya," katanya semasa diminta mengulas sama ada kesilapan dasar menyebabkan orang Melayu gagal mencapai matlamat yang ditetapkan oleh tindakan afirmatif itu.

Tindakan afirmatif yang diperkenalkan 32 tahun lepas dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan kemudiannya Dasar Pembangunan Negara.

Matlamatnya ialah untuk memastikan Bumiputera menguasai 30 peratus daripada kekayaan negara tetapi sehingga ini, orang Melayu hanya menguasai 19 peratus daripada kekayaan itu.

Bercakap pada persidangan akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini, Dr Mahathir berkata tindakan afirmatif itu pada peringkat mula telah menghasilkan keputusan yang baik.

Perhimpunan itu yang bermula hari ini akan berlangsung sehingga Sabtu ini.

"Tetapi selepas seketika muncul sedikit gangguan yang berpunca daripada perasaan puas hati dan kepercayaan bahawa (orang Melayu) akan sentiasa mendapat perlindungan," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan dan Presiden Umno.

Akibatnya, DEB tidak menghasilkan kejayaan seperti yang ingin dicapai oleh kerajaan, katanya.

Menjawab pertanyaan seorang anggota media asing sama ada kerajaan telah memberi terlalu banyak projek kepada ahli perniagaan Syed Mokhtar Al-Bukhary, beliau berkata:

"Dia tidak diberikan banyak projek. Dia memulakan projek sendiri dan jika ia baik, kerajaan tidak akan menghalang. Dia guna duit sendiri," katanya.

Syed Mokhtar terkenal kerana pembabitannya dalam projek-projek infrastruktur di Johor di mana beliau menguasai Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang serta sedang dalam proses menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai sebagai pusat kargo udara.

Usahawan itu dipercayai menguasai MMC Corporation yang memiliki MMC Engineering, syarikat yang telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Siemens dari Jerman bagi usaha mendapatkan projek rekabentuk dan pembinaan mekanikal Empangan Hidro Bakun.

Perdana Menteri berkata dalam pemberian kontrak, kerajaan akan memilih syarikat yang berkemampuan.

"Anda jangan harap saya akan memberikan projek kepada mereka yang pernah gagal," tambahnya.

-- BERNAMA

MAD MNZ AZZ MOZ